

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 OGOS 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 21
SURAT

Pertumbuhan ekonomi suku kedua 4.4 peratus



Prestasi kukuh penawaran dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan

Oleh Mahanun Abd Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@nsp.com.my

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 4.4 peratus pada suku kedua 2025 dipacu prestasi kukuh dari segi penawaran, terutama dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Prestasi itu menyamai pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku pertama.

Ini menjadikan pertumbuhan ekonomi negara bagi enam tahun pertama tahun ini berada dalam jutul unjuran rasmilaitu antara 4 hingga 4.8 peratus.

Pertumbuhan pada suku kedua itu bagaimanapun di bawah anggaran awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu 4.5 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata ketahanan ekonomi Malaysia dapat dilihat melalui kekuatan permintaan domestik

berterusan didorong perbelanjaan pengguna dan pengeluaran perindustrian, walaupun permintaan luar lebih lemah.

Beliau berkata, dari segi pengguna pertumbuhan dipacu perbelanjaan muslim perayaan dan aktiviti perjalanan lebih tinggi serta pelabur yang direalisasikan dalam projek berkaitan pembinaan terutamanya pusat data.

"Gabungan pasaran buruh yang kukuh, kadar pengangguran dan inflasi rendah serta bantuan kewangan bersasar meningkatkan kuasa membeli isi rumah."

"Secara keseluruhan, perbelanjaan domestik kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan, lantas menjadikan asas yang kukuh kepada ekonomi."

"Namun, keadaan luaran turus memberikan cabaran, dipengaruhi perkembangan tarif yang berterusan serta ketidakpastian politik global berpanjangan," katanya pada sidang media Prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia Suku Kedua 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.

Pasaran pekerja positif

Sementara itu, Abdul Rasheed berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia suku kedua didorong permintaan dalam negeri yang kukuh dengan perbelanjaan isi rumah kekal mampar berikutnya keadaan pasaran pekerja positif,



Abdul Rasheed (kanan) dan Mohd Uzir pada sidang media Prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia Suku Kedua di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aziah Azmee/BH)

selain dasar berkaitan pendapatan, termasuk semakan kenaikan gaji minimum dan gaji penjawat awam.

Beliau berkata, pengembangan pelaburan lebih kukuh disokong pelaksanaan projek baharu dan sedia ada.

Menurutnya, dalam sektor luaran, pertumbuhan eksport lebih perlahan disebabkan, terutama oleh eksport berkaitan komoditi lebih rendah.

"Keadaan itu sebahagiannya diimbangi oleh eksport elektrik

dan elektronik (E&E) yang lebih teguh dan aktiviti pelancongan lebih giat," katanya.

Dalam

pada itu, Abdul Rasheed berkata, BNM melihat tidak ada keperluan membuat semula unjuran pertumbuhan KDNK bagi 2025 buat masa ini dan bank pusat itu kekal dengan sejumlah yang telah disemak semula baru-baru ini, laju pertumbuhan antara 4 hingga 4.8 peratus.

Beliau

berkata, unjuran itu telah mengambil kira pelbagai kemungkinan daripada tarif Amerika

Syarikat (AS).

Katanya, dari segi keseimbangan pertumbuhan risiko, selesainya rundingan akan meredakan ketidakpastian.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak masih ada ketidakpastian berlariutan, contohnya dari segi tarif sektor dan perkembangan perbincangan, selain rundingan dengan beberapa negara yang belum dimuktamadkan.

"Selesainya rundingan tarif akan memberikan kepastian lebih baik kepada perniagaan, pelabur dan juga isi rumah untuk membuat keputusan lebih baik."

"Dalam unjuran pertumbuhan yang disemak semua itu (4 peratus hingga 4.8 peratus), kami telah mengambil kira pertumbuhan jutul kemungkinan hasil (rundingan) tarif," katanya.

Abdul Rasheed berkata, perbelanjaan isi rumah akan terus memacu pertumbuhan domestik, didorong terutama oleh pasaran buruh yang mengalakkan.

Menjauh ke depan, beliau berkata, perbelanjaan isi rumah dijangka kekal berdaya tahan, disokong pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan gaji, terutama dalam sektor berorientasi domestik serta langkah dasar berkaitan pendapatan.

"Malahan, lembaran imbangan isi rumah kekal kukuh dan peningkatan pengagihan bantuan tunai yang disasarkan seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna," katanya.